

0254

U B288 AAB

MAHATHIR - FILIPINA

KOTA KINABALU, 8 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD ENGGAN MENGULAS HARI INI PINDAAN YANG DIBUAT OLEH SURUHANJAYA PERLEMBAGAAN FILIPINA MENGENAI TUNTUTAN KE ATAS SABAH.

KETIKA MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI SINI PADA AKHIR LAWATAN RASMINYA DUA HARI KE SABAH, DATUK SERI MAHATHIR BERKATA BELIAU AKAN HANYA MENGULAS PERKARA ITU SELEPAS MELIHAT IMPLIKASI PINDAAN ITU.

MENURUT LAPORAN, SURUHANJAYA TELAH MENGUNDI MEMINDA PERUNTUKAN PERTAMA DALAM PERLEMBAGAAN FILIPINA YANG MENGGARISI KAWASAN SEMPADAN.

LAPORAN ITU MENYATAKAN PINDAAN ITU BERTUJUAN MEMBAIKI HUBUNGAN DENGAN MALAYSIA TANPA MENGENEPIKAN TUNTUTAN KE ATAS SABAH.

PERLEMBAGAAN 1973 YANG MENGGARISI TUNTUTAN WILAYAH KE ATAS +HAK SEJARAH DAN MILIK YANG SAH+ DIGANTIKAN DENGAN +WILAYAH YANG FILIPINA MEMPUNYAI HAK KEDAULATANNYA+, YANG MENJAMIN INI SEJAJAR DENGAN UNDANG-UNDANG ANTARABANGSA SERTA MEMBOLEHKAN +KELENTURAN+ DALAM TUNTUTAN KE ATAS SABAH. -- BERNAMA.  
1859MST 08 07 86